



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	8/7/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	: 12
JABATAN	:	TNB		

Kosmo, 8 Jul
2021_12

Tabung Warga TNB bantu 1,800 keluarga B40

PETALING JAYA – Lebih 1,800 keluarga B40 di seluruh Semenanjung yang terkesan akibat pandemik Covid-19 menerima bantuan berbentuk wang tunai daripada Tabung Warga TNB Prihatin (WTP).

Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, pemberian bantuan menerusi tabung dilancarkan pada 9 Jun lalu melibatkan agihan melebihi RM1 juta.

"Tabung WTP ialah wadah untuk warga kerja syarikat membantu rakyat memerlukan khususnya dalam suasana pandemik yang berlanjutan selari dengan kesungguhan TNB menerangi kehidupan penduduk Malaysia.

"Selain warga kerja TNB yang menyumbang kepada tabung dengan nilai lebih RM1.52 juta, terima kasih saya ucapkan kepada pemimpin kesatuan dan persatuan dalaman TNB yang bersetakat menubuhkan tabung itu," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Katanya, bantuan itu juga diharap mampu mengukir senyuman dan membawa rasa bahagia kepada penerima bagi menempuhi tempoh yang agak sukar.

"Dalam suasana ramai yang tertekan akibat Covid-19 hingga ada kehilangan pendapatan, tabung amal berkenaan diharap



MAHDZIR



**TENAGA
NASIONAL**

memberi keinsafan kepada warga kerja kami untuk sentiasa berkongsi nikmat," katanya.

Dalam pada itu, TNB dalam satu kenyataan mengulas dakwaan seorang suri rumah di Gua Musang, Kelantan yang mengadu rumahnya tiada bekalan elektrik sejak 10 tahun, TNB menjelaskan pihaknya belum menerima sebarang permohonan daripada pengadu.

Bagaimanapun, Pengerus Besar TNB Kelantan dan Terengganu, Mustapha Kamal Yaacob berkata, permohonan bekalan elektrik pengadu akan diproses sebaik diterima.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia